



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

**TERMA RUJUKAN
KAJIAN SEMULA PERUNDANGAN E-DAGANG**

1. TAJUK KAJIAN

Kajian yang akan dilaksanakan ialah **Kajian Semula Perundangan E-Dagang** di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

2. TUJUAN

- 2.1. Terma Rujukan ini disediakan bertujuan untuk melantik perunding yang akan mengkaji, menyediakan dan mengemukakan hasil dapatan Kajian Semula Perundangan E-Dagang di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).
- 2.2. Hasil kajian ini akan membantu Kerajaan untuk melaksanakan tadbir urus dan pengawalseliaan industri e-dagang di Malaysia melalui kaedah dan amalan terbaik.
- 2.3. Hasil kajian ini juga akan menjadi sumber rujukan untuk menambahbaik perundangan sedia ada dan memantapkan tadbir urus sektor e-dagang di Malaysia agar kepentingan pengguna dan pemain industri yang terlibat adalah terjamin di samping menggalakkan perkembangan industri agar selari dengan peredaran global.

3. LATAR BELAKANG PROGRAM

- 3.1. Sektor e-dagang di Malaysia sebagaimana di negara-negara lain adalah merupakan antara sektor yang sedang pesat berkembang.

- 3.2. Berdasarkan laporan pada tahun 2021, sektor e-dagang telah menyumbang sebanyak 13% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara bersamaan dengan RM201 bilion berbanding pada tahun sebelumnya sebanyak RM163 bilion.
- 3.3. Pada masa yang sama, jumlah pendapatan e-dagang juga menunjukkan peningkatan yang memberansangkan iaitu sebanyak RM1,099.7bilion pada tahun 2022 atau peningkatan sebanyak 6% berbanding RM1,037.2bilion pada tahun 2021.
- 3.4. Peningkatan pendapatan yang positif dari tahun ke tahun jelas menunjukkan sektor e-dagang memainkan peranan penting dalam peningkatan pendapatan rakyat melalui peningkatan jaringan pasaran kepada peniaga tempatan serta menggalakkan rakyat menceburkan diri dalam perniagaan melalui platform e-dagang sekaligus mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat.
- 3.5. Dalam hal ini, Kerajaan menunjukkan komitmen dan sokongan yang amat tinggi dalam menggalakkan perkembangan industri e-dagang di Malaysia melalui inisiatif-inisiatif nasional di bawah Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian ke-Empat (MED4IR) iaitu Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM), Dasar Revolusi Perindustrian ke-Empat (Dasar 4IR) iaitu *National E-Commerce Strategic Roadmap* (NESR), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan lain-lain inisiatif.
- 3.6. Di samping inisiatif di peringkat nasional, KPDN yang merupakan agensi utama dalam tadbir urus e-dagang di Malaysia turut telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan industri ini dapat berkembang dengan pesat melalui pewujudan Jawatankuasa Pelan Strategik Digitalisasi Perdagangan Pengedaran (DTDigital) dan Jawatankuasa Semakan Semula Perundangan E-Dagang (JKED).

- 3.7. Kedua-dua Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau secara dekat prestasi pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan e-dagang yang dilaporkan dalam MED4IR, NESR dan RMK-12 selain berperanan untuk mencadangkan dasar dan polisi serta program-program e-dagang yang holistik dan memberi impak besar kepada negara.
- 3.8. Selain itu, KPDN juga melaksanakan kawal selia sektor e-dagang melalui perundangan-perundangan utama di bawah KPDN seperti berikut:
 - (i) Akta Perlindungan Pengguna 1999;
 - (ii) Akta Perdagangan Elektronik 2006;
 - (iii) Akta Perihal Dagangan 2011;
 - (iv) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011;
 - (v) Akta Timbang dan Sukat 1972; dan
 - (vi) Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012.

4. JUSTIFIKASI KAJIAN

- 4.1. Selaras dengan perkembangan pesat sektor e-dagang, terdapat pelbagai isu berbangkit serta keperluan baharu yang perlu dipenuhi bagi melindungi kepentingan pengguna serta pemain industri yang terlibat.
- 4.2. Dalam hal ini, perundangan-perundangan e-dagang sedia ada didapati telah terlalu lama dibangunkan dan perlu dikaji semula bagi memastikan perundangan yang ada adalah holistik dan relevan dengan perkembangan industri pada masa ini.

- 4.3. Pada masa yang sama, peruntukan mengenai e-dagang juga didapati terkandung di dalam pelbagai akta dan peraturan di pelbagai kementerian dan agensi di Malaysia. Hal ini telah menyukarkan pemegang taruh yang terlibat untuk melaksanakan perdagangan e-dagang di Malaysia serta meningkatkan risiko penipuan ke atas pengguna.
- 4.4. Selari dengan hal itu, KPDN telah dilantik sebagai agensi peneraju di bawah *National E-Commerce Strategic Roadmap 2.0* (NESR 2.0), bagi melaksanakan inisiatif semakan semula perundangan e-dagang sedia ada di Malaysia dan inisiatif ini dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2025.
- 4.5. Bagi memastikan perundangan baharu yang akan dibangunkan adalah relevan dan praktikal, kajian semula perundangan e-dagang ini dicadang untuk dilaksanakan secara terperinci termasuk perbandingan dengan perundangan-perundangan lain di luar negara.

5. OBJEKTIF KAJIAN

- 5.1. Mengenalpasti semua perundangan e-dagang dan perundangan lain di Malaysia, skop kawal selia serta kekurangan perundangan tersebut;
- 5.2. Mengenalpasti semua perundangan e-dagang di peringkat antarabangsa, skop kawal selia serta perbandingan dengan perundangan di Malaysia;
- 5.3. Mengkaji isu dan keperluan industri e-dagang di Malaysia;

- 5.4. Mengkaji isu dan keperluan pengguna e-dagang di Malaysia; dan
- 5.5. Mencadangkan kaedah kawal selia e-dagang yang terbaik kepada Kerajaan dan menyediakan draf awal perundangan baharu atau pindaan perundangan berkaitan e-dagang yang bersesuaian.

6. SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

- 6.1. Keperluan perkhidmatan perunding merangkumi khidmat perundingan berdasarkan kepakaran melaksanakan kajian dengan menggunakan pakai kaedah kajian yang bersesuaian dan memenuhi kriteria struktur kajian. Pasukan pelaksana kajian hendaklah terdiri daripada syarikat atau firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (pendaftaran kod bidang masih sah sehingga tamat tempoh sah laku perjanjian kajian) dengan kod bidang seperti berikut:
 - (i) 340104 : Kajian Kemasyarakatan Sosio-Ekonomi; dan
 - (ii) 340103 : Kajian Ekonomi.
- 6.2. Menyediakan metodologi, rangka kerja dan hala tuju kajian; dan
- 6.3. Melaksanakan kaji selidik awalan melalui survei/ temubual/ temu muka/libat urus/bengkel kumpulan fokus atau lain-lain kaedah yang bersesuaian dengan pemegang taruh yang berkaitan.

7. SKOP KAJIAN DAN KERJA

- 7.1. Penyediaan **satu Laporan Kajian Impak** yang merangkumi perkara-perkara berikut;
- 7.1.1. Mengumpul, mengenalpasti dan menganalisa profil semua pemegang taruh dalam sektor e-dagang termasuk pengeluar, pengedar, pengantara (*intermediary*), perkhidmatan pengangkutan, penyedia perkhidmatan, penyedia sistem pembayaran pengguna dan agensi-agensi kawal selia;
- 7.1.2. Mengenalpasti, mengkaji dan menganalisa semua perundangan sedia ada berkaitan e-dagang dan lain-lain perundangan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa;
- 7.1.3. Mengenalpasti, mengkaji dan menganalisa perkembangan semasa, isu-isu utama pemegang taruh e-dagang dan keperluan baru perundangan e-dagang di Malaysia melalui pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif;
- 7.1.4. Mengenalpasti dan menjalankan analisa jurang (*Gap Analysis*) terhadap perundangan sedia ada dan analisa kos dan faedah (*Cost-Benefits Analysis*) terhadap perundangan baru; dan
- 7.1.5. Mengenalpasti, merangka dan mencadangkan Pelan Tindakan, mekanisma penguatkuasaan dan pemantauan yang bersesuaian bagi meningkatkan pembangunan sektor e-dagang selain meningkatkan perlindungan pengguna.

- 7.2. Merancang, menyelaras dan melaksanakan **Siri Sesi Libat Urus** yang komprehensif bagi mendapatkan input dan maklum balas daripada pemegang taruh sektor e-dagang dan menyediakan laporan setiap sesi libat urus yang telah dilaksanakan.
- 7.3. Merangka, membangun dan menyediakan **draf perundangan baru atau pindaan perundangan sedia ada berkaitan e-dagang yang bersesuaian** berdasarkan Kajian Impak dan Sesi Libat Urus yang dilaksanakan.
- 7.4. Mereka bentuk, mencetak dan membukukan Laporan Akhir Kajian Impak, Pelan Tindakan dan draf perundangan baru atau pindaan perundangan sedia ada berkaitan e-dagang yang dipersetujui oleh Jawatankuasa ditetapkan.

8. KOMPONEN KAJIAN

- 8.1. Satu Kajian Impak yang merangkumi pengumpulan dan analisa data berikut:
 - 8.1.1. Profil pemegang taruh dan rantaian nilai (*value-chain*) sektor e-dagang meliputi dan tidak terhad kepada senarai berikut;
 - (i) Pengeluar;
 - (ii) Pengedar;
 - (iii) Pengeksport dan Pengimport;
 - (iv) Pengangkut;
 - (v) Pemborong;
 - (vi) Peruncit;
 - (vii) Penyedia platform e-dagang;

- (viii) Penyedia platform media sosial; dan
- (ix) Penyedia Sistem Pembayaran.

8.1.2. Dasar dan persekitaran semasa sektor e-dagang dan tidak terhad kepada senarai berikut;

- (i) Perlindungan Pengguna dan Penguatkuasaan;
- (ii) Halangan Perdagangan dan Kemudahan Perdagangan (*Trade Barriers and Trade Facilitation*);
- (iii) Keselamatan dan Perlindungan Data;
- (iv) Isu Rentas Sempadan;
- (v) Ketelusan Maklumat; dan
- (vi) Penilaian Risiko

8.2. Siri Sesi Libat Urus yang merangkumi:

- 8.2.1. Satu (1) Sesi *Townhall*;
- 8.2.2. Lima (5) Sesi Meja Bulat;
- 8.2.3. Satu (1) Bengkel;
- 8.2.4. Sesi Bersemuka bersama Pemain Industri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Ahli Akademik dan Agensi-Agenzi Kerajaan yang berkaitan; dan
- 8.2.5. Sesi Lawatan Penanda Aras ke Agensi Luar Negara yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai Kementerian merangkumi kos pengangkutan, penginapan dan lain-lain yang berkaitan ke negara berikut:
 - (i) *European Commission (EU)* di Brussels, Belgium; dan
 - (ii) *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* di Geneva, Switzerland.

8.3. Draf Rang Undang-Undang/Pindaan Akta/Peraturan yang mengandungi tafsiran, skop perundangan, pemakaian, penalti serta sebarang peruntukan-peruntukan lain yang bersesuaian meliputi aspek perlindungan pengguna dan pembangunan sektor e-dagang (*Business to Customer (B2C), Business to Business (B2B) dan Customer to Customer (C2C)*) dan tidak terhad kepada senarai berikut;

8.3.1. Peringkat Pra Pembelian (*Pre-Purchase*)

- (i) *Seller Identification;*
- (ii) *Information Disclosure;*
- (iii) *Product Safety and Labelling;*
- (iv) *Dark Pattern;*
- (v) *Consumer Reviews;*
- (vi) *Influencer Marketing;*
- (vii) *Artificial Intelligence Governance;* dan
- (viii) *Unfair and Deceptive Marketing.*

8.3.2. Peringkat Pembelian (*Purchase*)

- (i) *Delivery;*
- (ii) *Cooling off Period;*
- (iii) *Cross Border Jurisdiction*
- (iv) *Payment Security;* dan
- (v) *Data and Privacy Protection*

8.3.3. Peringkat Pasca Pembelian (*Post Purchase*)

- (i) *Alternative Dispute Resolution;*
- (ii) *Online Dispute Resolution;*
- (iii) *Return;*
- (iv) *Refund;* dan
- (v) *Warranty and Guarantee.*

9. OUTPUT KAJIAN

Perunding dikehendaki mengemukakan laporan-laporan seperti berikut kepada KPDN:

- 9.1. **Laporan (Awal) Insepsi** yang mengandungi cadangan rangka kerja (*framework*) kajian sebelum kajian dilaksanakan termasuk butir-butir terperinci berkaitan pendekatan kajian, jadual kerja kajian, batasan kajian yang dijangka, kos kajian dan hal-hal lain yang perlu diperjelaskan dalam bentuk **5 salinan *hardcopy* serta *softcopy* termasuk slaid pembentangan**.
- 9.2. **Laporan Interim** yang mengandungi penemuan permulaan (*preliminary findings*) kajian dalam bentuk **5 salinan *hardcopy* serta *softcopy* termasuk slaid pembentangan** seperti berikut:
 - (i) kajian yang dilaksanakan; dan
 - (ii) keseluruhan penemuan kajian.
- 9.3. **Draf Laporan Akhir** yang mengandungi semua penemuan kajian pada bulan kesebelas pelaksanaan, sebanyak **5 salinan *hardcopy* serta *softcopy* termasuk slaid pembentangan** seperti berikut:
 - (i) kajian yang dilaksanakan; dan
 - (ii) keseluruhan penemuan kajian.
- 9.4. **Laporan Akhir** dan **Ringkasan Eksekutif** yang mengandungi semua pindaan selepas menerima ulasan dan cadangan penambahbaikan daripada Kerajaan ke atas draf Laporan Akhir dalam bentuk **salinan *hardcopy* serta salinan *softcopy* termasuk slaid pembentangan**. Laporan Akhir ini hendaklah mengandungi;

- (i) Kajian Impak;
 - (ii) Pelan Tindakan; dan
 - (iii) Draf Rang Undang-Undang/Pindaan Akta/Peraturan yang bersesuaian.
- 9.5. Perunding perlu melaporkan hasil kajian kepada jawatankuasa seperti berikut :
- (i) Jawatankuasa Pemandu;
 - (ii) Jawatankuasa Teknikal; dan
 - (iii) Apa-apa jawatankuasa yang ditetapkan oleh KPDN.

10. OUTCOME KAJIAN

- 10.1. Mekanisma pengawal seliaan industri e-dagang yang berkesan;
- 10.2. Perundangan e-dagang yang komprehensif dan selari dengan keperluan pengguna dan industri;
- 10.3. Peningkatan perlindungan kepada pengguna dan pemain industri e-dagang;
- 10.4. Perkembangan industri e-dagang yang inovatif dan berdaya saing; dan
- 10.5. Peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan dalam industri e-dagang kepada rakyat Malaysia.

11. METODOLOGI KAJIAN

- 11.1. Kajian ini akan dijalankan melalui pengumpulan data primer dan sekunder berasaskan kaedah kuantitatif dan kualitatif daripada sumber-sumber rasmi dan sumber-sumber lain yang dikenalpasti.

12. TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

- 12.1. Penetapan tempoh bagi pelaksanaan Kajian Semula Perundangan E-Dagang ini adalah selama **18 bulan**. Perunding dikehendaki untuk menyediakan jadual pelaksanaan dan dipersetujui oleh KPDN sebelum kajian dimulakan.
- 12.2. Perunding dikehendaki menyatakan penerimaan pelantikan melalui Surat Setuju Terima (SST) dalam masa **EMPAT BELAS (14) hari** dari tarikh SST dikeluarkan kepada perunding.

13. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

- 13.1. Kajian Semula Perundangan E-Dagang ini akan menggunakan peruntukan Pembangunan RP4 RMK-12 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Kos Sara Hidup.
- 13.2. Peratus bayaran bagi yuran profesional adalah mengikut kemajuan kerja (*work progress*) jadual penyerahan hasil kajian yang akan dipersetujui seperti berikut:

LAPORAN	JUMLAH (%)	JANGKAAN TARIKH SERAHAN
Laporan Awal (Insepsi)	15%	Mei 2024
Laporan Interim	25%	Feb 2025
Draf Laporan Akhir dan Draf Perundangan	40%	Mei 2025
Laporan Akhir, Ringkasan Eksekutif dan Draf Akhir Perundangan	20%	Ogos 2025

14. HAK EKSKLUSIF

Data-data, bahan-bahan dan hasil kajian yang dikemukakan oleh pihak yang dilantik akan kekal menjadi hak eksklusif KPDN dan hak milik Kerajaan Malaysia.

15. PERJANJIAN

Pihak Kerajaan akan mengemukakan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding berdasarkan cadangan teknikal serta cadangan kos yang dipersetujui. SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan syarikat sehingga Dokumen Perjanjian rasmi (kontrak) dimeterai oleh kedua - dua pihak.

16. BAHASA YANG DIGUNAPAKAI

Semua dokumen dan surat menyurat perlu disediakan oleh perunding dalam dua versi iaitu dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Disediakan Oleh :

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup**
10 Januari 2024